

'Cina Malaysia tak dipinggir'

GEORGETOWN: Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew sepatutnya menjaga orang Melayu di republik itu daripada membuat dakwaan bahawa masyarakat Cina di negara ini dipinggirkan secara sistematik.

Mahaguru dan Pengasas Pertubuhan Seni Silat Lintah Malaysia (PSSLM), Datuk Omardin Mauju, berkata orang Melayu di Singapura menderita akibat tekanan yang dibuat oleh bekas Perdana Menteri republik berkenaan.

Omardin berkata, Kuan Yew tidak perlu sibuk memperkatakan kedudukan orang Cina di Malaysia tetapi pada masa sama meminggirkan orang Melayu di republik berkenaan.

"Orang Cina di sini kaya raya. Kalau ada seorang Melayu jutawan, sembilan lagi jutawan adalah orang Cina.

"Macam mana dia (Kuan Yew) kata orang Cina di Malaysia dipinggirkan. Kita berharap Kuan Yew jagalah orang Melayu di Singapura dan biar kita jaga orang Cina di Malaysia.

"Tidak perlulah jadi wira," katanya mengulas laporan akhbar semalam yang menyiarkan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu Kuan Yew memberi penjelasan mengenai kenyataannya yang dianggap boleh menghasut rakyat kaum Cina di negara ini.